



Antara empat gerai penjaja dipercayai milik warga asing di Jalan Kepong Lama berhampiran Pasar Jalan Ipoh, Kuala Lumpur disita oleh DBKL, semalam.

(Foto FB DBKL)

4 gerai warga asing di sita

Kuala Lumpur: Empat gerai penjaja dipercayai milik warga asing di Jalan Kepong Lama berhampiran Pasar Jalan Ipoh, di sini, disita dalam satu operasi dijalankan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kelmarin.

Operasi dilaksanakan Jabatan Penguatkuasaan DBKL bersama Pejabat DBKL Cawangan Batu.

“Tindakan khas dijalankan terhadap penjaja warga asing di sekitar

Jalan Kepong Lama berhampiran Pasar Jalan Ipoh dan hasil daripada tindakan khas itu, sebanyak empat gerai penjaja warga asing dikenakan tindakan sita serta-merta.

“Sitaan dijalankan mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016,” katanya dalam kenyataan di Facebook, semalam.

Katanya, semua barangan yang

disita dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras di sini, untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

“Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang sudah dikenal pasti.

“Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>,” katanya.